

Zakat info



3
Karnival
Zakat
Pulau Pinang
2013



4
Konvoi
Kembara
Zakat



7
Majlis
Pelancaran
MPDCA
2014



**PROGRAM
PEMBANGUNAN
MODAL INSAN**
Zakat Pulau Pinang



Pembangunan modal insan yang berkualiti sangat penting bagi menangani kemiskinan, dan membentuk masyarakat Islam yang berkualiti. Tanpa pendidikan tidak mungkin manusia boleh membina tamadun. Malahan dalam konteks dunia masa kini, tanpa pendidikan atau ilmu, manusia akan tenggelam hanyut dalam kepesatan arus kemajuan dunia yang semakin deras. Kita semua muah mencorak anak-anak kita dengan corak yang baik dan muah anak-anak menjadi seorang manusia Muslim yang berkualiti. Muslim yang bukan sahaja hebat dengan ilmu-ilmu dunia tetapi di masa yang sama turut cemerlang dengan ilmu-ilmu akhirat yang bersumberkan Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Inilah generasi keturunan yang muah kita tinggalkan di dunia ini selepas kita tiada nanti.

Sabtu tahun, Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sentiasa meningkatkan usaha bagi melaksanakan amanah memenuhi segala keperluan asnaf di Pulau Pinang. Alhamdulillah, dengan sokongan para pembayar zakat yang setia menuaikan zakat di Zakat Pulau Pinang, usaha penyampaian agihan zakat terus diperkasa serta dimantapkan demi membela para asnaf. Kutipan zakat tahunan yang sentiasa

bertambah telah membolehkan Zakat Pulau Pinang memenuhi keperluan asnaf yang lebih ramai lagi, dengan nilai bantuan yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelum ini dan kami di Zakat Pulau Pinang terus mempertingkatkan lagi usaha pelaksanaan agihan agar lebih diyakini masyarakat.

Sabda Nabi SAW dalam sebuah hadis riwayat Imam Ahmad, *"Hendaklah setiap orang Islam itu bersedekah, jika dia tidak dapat berbuat demikian, maka hendaklah dia berusaha sendiri (bekerja) yang dapat memberi faedah kepada dirinya sendiri dan dengan yang demikian dia dapat bersedekah."*

Kita juga disarankan untuk turut sama-sama berusaha untuk meningkatkan pendapatan ekonomi diri dan keluarga. Semoga kita mampu keluar daripada kesulitan yang dirasai pada hari ini kepada kehidupan yang lebih berkualiti pada masa akan datang, seterusnya menjadi seorang pembayar zakat yang menyumbang dan mengukir senyuman di wajah para asnaf pula.

Firman Allah: *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu, sehinggahal mereka sendiri yang berusaha mengubah apa yang ada pada diri mereka."* (Ar-Raa'du: 11)

Untuk makluman pembaca, Alhamdulillah sepanjang tahun 2013, Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan sebanyak RM 14.1 juta untuk Pendidikan Asnaf di Pulau Pinang dengan bilangan penerima seramai 8,371 orang. Untuk pendidikan persekolahan Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan sebanyak RM 1.8 juta manakala sebanyak RM3.5 juta daripadanya untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke IPT dalam dan luar negara. Diantara program agihan zakat yang berjaya membantu para pelajar di Pulau Pinang adalah seperti Mutiara PDCA untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, bantuan pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara, bantuan permulaan Ke IPT dalam dan luar negara, bantuan awal persekolahan, bantuan pakaian seragam sekolah, biasiswa pelajar Sekolah Menengah Agama Islam (SMAI), pengurusan Kompleks Inapan Kasih Sayang (IKS), pembiayaan pelajar tahliz di Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), Kem Bina Sahsiah Smart Caliph Camps, Preclass dan lain-lain lagi.

Zakat Pulau Pinang mengucapkan terima kasih kepada para pembayar zakat atas kepercayaan yang telah diberikan selama ini. Teruskanlah bersama Zakat Pulau Pinang membela asnaf yang memerlukan. Zakat dibayar asnaf terbaik.

Program Pembangunan Modal Insan Zakat Pulau Pinang





Bertemakan konsep Salam Santai & Senyum dalam usaha untuk mendekati masyarakat khususnya di negeri Pulau Pinang tentang pentingnya berzakat, pihak Zakat Pulau Pinang kali ini telah menganjurkan program Karnival Zakat 2013 sebagai salah satu langkah promosi dan kempen untuk hebatkan kesedaran dalam kewajipan menunaikan zakat kepada masyarakat di negeri Pulau Pinang. Program yang berlangsung selama dua hari ini diadakan di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) Bandar Perda yang di sempurnakan oleh Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Zakat Pulau Pinang Y.B Dato' Haji Mohamad Salleh Bin Man.

Målamat program ini di laksanakan adalah untuk mendekati dan memberi pendedahan kepada golongan-golongan muda khususnya tentang pentingnya menunaikan zakat. Selain itu juga, program ini dapat menjadi medan bagi umum untuk memilih saluran bayaran zakat, taksiran zakat, jenis-jenis bantuan zakat dan pertanyaan zakat secara terus di karnival ini.

Karnival ini juga menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada para pengunjung dan memberi peluang kepada peniaga-peniaga untuk membuka gerai jualan makanan, minuman, buku dan majalah serta berbagai lagi produk-produk yang terdapat dalam program ini. Selain jualan barang dan makanan, program ini juga menampilkan tetamu istimewa kepada kaum ibu, iaitu Chef Ismail yang merupakan peserta program realiti Master Chef bagi memperkenalkan cara masakan kepada tetamu yang hadir. Kepada pengunjung yang ingin memantapkan lagi ilmu agama berkaitan solat dan bacaan, Karnival Zakat ini turut menampilkan tetamu yang istimewa iaitu Ustaz Don Daniyal dalam siri jelajah beliau ke seluruh Malaysia untuk bersama-sama dengan pengunjung di Karnival Zakat ini untuk berkongsi ilmu agama dan memberi tunjuk ajar kepada pengunjung berkaitan dengan solat dan bacaan yang betul.

Tidak ketinggalan juga, turut memeriahkan medan ilmu ini, adalah program forum perdana yang menampilkan pendakwah yang berpengalaman serta selebriti dakwah tempatan dari kumpulan nasyid In-Team dan juga undangan istimewa dari kumpulan nasyid kanak-kanak yang merupakan pelajar-pelajar tajaan Zakat Pulau Pinang dari di Inapan Kasih Sayang, Kepala Batas.

Semoga program yang dilaksanakan ini dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat islam khususnya di negeri Pulau Pinang tentang tanggungjawab menunaikan zakat dan secara tidak langsung dapat melahirkan generasi muda yang bertaqwa, berilmu dan prihatin terhadap golongan asnaf di negeri ini.





Konvoi Kembara Zakat

Seiring dengan slogan "Zakat Prihatin" pihak Zakat Pulau Pinang, MAINPP kali ini mengambil langkah turun padang untuk mendekati golongan yang memerlukan melalui program Konvoi Kembara Zakat. Konvoi Kembara Zakat Edisi 2 ini diadakan sebagai salah satu program dalam Bulan Zakat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Jabatan Wakaf Zakat & Haji (JAWHAR) pada penghujung tahun 2013. Program konvoi kembara zakat ini melibatkan seluruh Agensi Mengutip Zakat (AMZ) di Malaysia yang dipecahkan mengikut 4 zon iaitu zon utara, zon selatan, zon tengah dan zon pantai timur. Antara negeri-negeri zon utara yang terlibat dalam program ini adalah Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Pergerakan konvoi siri ke-2 yang diadakan di negeri Pulau Pinang ini bermula dari ibu pejabat Zakat Pulau Pinang di Bandar Perda dan menuju ke daerah Timur Laut dan Barat Daya dengan diiringi oleh pasukan pengiring dari PDRM. Majlis perlepasan konvoi Flag Off ini telah disempurnakan oleh Penolong Pengurus Besar Jabatan Kutipan & Pemasaran Zakat Pulau Pinang, En. Mohamad Fuad Bin Md. Isa. Selain program penyerahan bantuan dan agihan zakat di setiap lokasi, konvoi kembara ini secara tidak langsung mewujudkan kerjasama erat di antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri (SPZN) yang diwakili oleh Pusat-Pusat Zakat Negeri. Selain bertukar maklumat mengenai pengurusan zakat, peserta konvoi juga berpeluang untuk melihat sendiri golongan asnaf dari negeri lain dan jenis-jenis bantuan yang disalurkan.



Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan



Zakat Pulau Pinang, MAINPP terus mengorak langkah dalam usaha untuk membantu golongan asnaf yang kurang berkemampuan untuk menyara perbelanjaan anak-anak ke sekolah. Bagi meningkatkan kesedaran terhadap ilmu yang mampu melahirkan generasi yang hebat, Zakat Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan kepada pemohon bantuan persekolahan bagi meringankan beban ibu bapa dalam memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Majlis yang diadakan dari masa ke semasa ini telah berlangsung di Dewan Millennium, Kepala Batas. Majlis ini telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Turut

hadir dalam majlis tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Dato' Haji Salim @ Saleem Bin Manshoor, Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, En. Mohd Fadzil Bin Kemi, dan Puan Hajah Rahmah Binti Md. Isa. Seramai 600 orang penerima bantuan persekolahan telah hadir bagi menerima cek sumbangan untuk anak-anak mereka. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat mengurang dan meringankan beban ibu bapa untuk memberi pendidikan kepada generasi sekarang ini bagi membina modal insan yang cemerlang. Dalam majlis tersebut, nilai agihan wang zakat membabitkan nilai keseluruhan lebih RM200,000.00.

11 Februari 2014

Kampung Petani, Bukit Mertajam

Fenomena panas yang melampau sekarang ini telah memberi kesan kepada masyarakat di negeri Pulau Pinang. Zakat Pulau Pinang menerima maklumat dari masyarakat setempat dikawasan sekitar negeri ini antaranya di Kampung Petani, Bukit Mertajam yang melibat dua buah rumah. Kejadian ini telah mendapat perhatian dari pelbagai pihak yang tampil untuk memberikan bantuan kepada mangsa kebakaran dan pihak Zakat Pulau Pinang juga turut sama menghulurkan sumbangan kepada keluarga mangsa bagi meringankan beban mereka. Bantuan segera diberikan sebanyak RM500.00 dan bantuan susulan akan segera disalurkan kepada keluarga mangsa.

Bantuan Mangsa Kebakaran & Alat Sokongan



Bantuan itu disampaikan oleh Yang Dipertua MAINPP, Y.B. Dato Hj. Mohd Salleh Bin Man ketika melawat keluarga mangsa yang terlibat dalam kebakaran tersebut. Turut hadir bersama beliau ialah Penolong Pengurus Besar Jabatan Agihan Zakat Pulau Pinang, En. Mohamad Kairi Bin Ghazali dan Pegawai Daerah Pejabat Daerah & Tanah S.P.T, Tn.Hj.Jusni Bin Hj.Ismail.

Dalam masa yang sama juga, pihak Zakat Pulau Pinang telah mengadakan sesi lawatan ke rumah asnaf bagi memberi bantuan alat sokongan kepada golongan yang kurang upaya di kawasan tersebut. En. Hasnaain Bin Ali yang berumur 83 tahun, telah menerima bantuan kerusi roda dari pihak zakat kerana menghidapi penyakit lumpuh. Selain itu, di kawasan Permatang Pasir pihak zakat telah berkunjung ke rumah En. Azman Bin Ahmad yang merupakan salah seorang pemohon zakat yang memerlukan alat sokongan kepada anak beliau, adik Muhamad Azim yang menghidapi penyakit saraf selepas lahir. Zakat Pulau Pinang telah memberikan bantuan kerusi roda dan tilam khas kepada adik Muhamad Azim bagi memudahkan pergerakan dalam meneruskan kehidupan sehariannya.



Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan & Penyerahan Zakat Korporat

Tirai 2014 mengukirkan senyumannya kepada penerima bantuan persekolahan di mana Zakat Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan Dan Penyerahan Zakat Korporat. Majlis yang berlangsung di Dewan Datuk Ahmad Badawi, Butterworth ini menyaksikan seramai 420 orang penerima cek untuk bantuan persekolahan dan bantuan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara. Majlis ini di adakan bagi meraikan penerima bantuan sesi persekolahan bagi permulaan tahun 2014 untuk memberi semangat kepada ibu bapa supaya dapat meneruskan persekolahan dan pengajian anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Majlis yang disempurnakan oleh Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Yang

Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, En. Mohd Fadzil Bin Kemi, En. Mohammad Noor Che Man dan Pn. Hajah Rahmah Binti Md. Isa. Turut sama hadir dalam majlis tersebut ialah Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Ustaz Rosidi Bin Hussain. Dalam majlis penyerahan ini, nilai agihan wang zakat adalah sebanyak RM226,050.00.

Selain itu juga, pada majlis yang sama Telekom Malaysia Berhad berbesar hati untuk menunaikan zakat perniagaan kepada Zakat Pulau Pinang berjumlah RM93,032.00 .



Majlis Pelancaran MPDCA 2014

Selaras dengan pembangunan ekonomi yang pesat membangun sekarang ini, sistem pendidikan juga tidak kurang hebatnya dalam meningkatkan mutu dan kualiti pembelajaran untuk memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar sekolah untuk melahirkan generasi yang berilmu. Sebagai menghargai jasa guru-guru yang telah banyak berkorban dalam mencerahkan ilmu kepada pelajar-pelajar di negeri Pulau Pinang ini, telah berlangsungnya program Pelancaran Majlis Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA) bertempat di Pusat Konvensyen Sunway, Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.B. Haji Shariful Azhar Bin Othman iaitu Pengerusi Jawatankuasa Focus Group Pembangunan

Insan merangkap Adun Bertam dan diiringi ucapan aluan oleh Tuan Haji Ahmad Tarmizi Bin Kamaruddin, Pengarah Pelajaran Negeri Pulau Pinang. Turut hadir guru-guru dari seluruh Pulau Pinang yang mewakili sekolah masing-masing. Di majlis yang sama turut disampaikan Anugerah Sekolah Cemerlang bagi tahun 2013 dan Anugerah Khas Agensi.

Sebanyak RM1.6 juta diperuntukkan dari Zakat Pulau Pinang untuk melaksanakan program PDCA demi anak-anak pelajar sekolah seluruh Pulau Pinang. Agensi lain yang turut menjayakan MPDCA 2013 adalah Perda, Jabatan Pelajaran Pulau Pinang (JPPP) dan Badan Penyelaras Penyertaan Bumiputera (BPPB).

27 Januari 2014

Kubang Semang, Bukit Mertajam



Zakat Pulau Pinang, MAINPP terus komited melaksanakan amanah mengagihkan bantuan zakat membantu golongan kurang bernasib baik di negeri ini apabila tampil menghulurkan sumbangan segera sebanyak RM500 bagi setiap keluarga mangsa kebakaran di Kubang Semang, Bukit Mertajam selepas rumah mereka terbakar pada 26 Januari 2014.

Bantuan permulaan itu disampaikan oleh Yang Dipertua MAINPP, Y.B. Dato Hj. Mohd Salleh Bin Man ketika mengadakan lawatan ke kawasan kejadian untuk menziarah mangsa yang terlibat dalam kebakaran tersebut. Turut hadir dalam sesi lawatan tersebut ialah Pegawai Daerah Pejabat Daerah & Tanah S.P.T, Tn. Hj. Jusni Bin Hj. Ismail dan Pegawai Khas Ahli Parlimen Permatang Pauh, En. Zainal Abidin Bin Saad.

Kebakaran yang berlaku itu, telah memusnahkan hampir keseluruhan rumah mangsa dan menyebabkan mereka hilang tempat untuk berteduh. Sebanyak lima buah rumah musnah dalam kebakaran tersebut kerana kedudukan yang terletak berdekatan selain tiupan angin kencang menyebabkan api marak dengan cepat.



Di saat kita merasai nikmat kehidupan yang mewah di muka bumi ini, pastinya kita tidak sedar akan ada insan di sekeliling kita yang masih bersusah payah menjalani kehidupan yang serba kemiskinan. Dalam keadaan kita dapat berteduh di kediaman yang indah, sudah tentunya kita tidak akan merasai bagaimana keadaannya jika mahligai kita berbungkungkan jejas dan berlantakan tanah. Itulah kehidupan yang di alui oleh Encik Ismail Bin Abdullah bersama keluarganya yang merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan menyara keluarganya dengan menjual besi buruk dan barang terpakai.

Encik Ismail Bin Abdullah yang berusia 62 tahun terpaksa berlindung di bawah jejas Lingkaran Luar Butterworth (LLB) sebagai tempat berteduh bersama seorang isteri dan dua orang anaknya apabila kediaman yang mereka sewa sebelum ni akan di ambil alih oleh pemaju untuk dibangunkan. Beliau yang tiada pilihan lain, terpaksa menetap di bawah jejas itu sebagai tempat berteduh untuk keluarganya.

Susulan dari akbar Harian Metro yang memaparkan kisah hidup keluarga Encik Ismail telah mendapat perhatian pihak Zakat Pulau Pinang untuk memberi bantuan kepada keluarga beliau. Bantuan segera RM500 yang disampaikan oleh Penolong Pengurus Besar Jabatan Agihan Kemasyarakatan Zakat Pulau Pinang, Encik Mohamad Kairi Bin Ghazali adalah sebagai bantuan permulaan untuk beliau meneruskan kehidupan. Pihak Zakat Pulau Pinang akan berusaha membantu keluarga beliau untuk mencari rumah sewa dan menampung kos deposit awal bagi memberi keselesaan dan terjamin keselamatannya.

Moga zakat yang ditunaikan oleh para pembayar memberi sinar kebahagiaan serta memudahkan kesempitan hidup Encik Ismail dan keluarganya.



Keluarga Gelandangan Dibantu



Zakat Pulau Pinang MAINPP (ZPP) secara rasminya telah melantik pihak Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai wakil kutipan zakat. Pelantikan ini merupakan yang kedua selepas Pos Malaysia Berhad iaitu pada tahun 2007. Berbeza dengan Pos Malaysia, pelantikan ANGKASA lebih tertumpu kepada kutipan zakat perniagaan daripada koperasi-koperasi anggota ANGKASA di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Pihak ANGKASA diwakili oleh Y.Bhg Prof. Madya Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan, Naib Presiden, manakala pihak ZPP diwakili oleh Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Yang DiPertua MAINPP. Majlis yang berlangsung di Hotel Sunway Seberang Jaya, turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait, Pegawai Kewangan Negeri, Sahibus Samahah Dato' Seri Haji Hassan Bin Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Y.Bhg. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain, Timbalan Yang DiPertua MAINPP, Tn. Shaik Ismail Md. Allapichay, Pengerusi J/K Perhubungan Angkasa Pulau Pinang serta ALP ZPP dan AJK JPN Pulau Pinang. Sebelum itu ditempat yang sama, telah diadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.

Zakat Pulau Pinang

Lantik Angkasa Sebagai Wakil Kutipan Zakat Koperasi

Sekalung Penghargaan Kepada Semua Pembayar

Zakat Pulau Pinang, MAINPP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat sama ada individu maupun agensi korporat di atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan kepada pihak Zakat Pulau Pinang dalam mengurus tadbir kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang ini.

Atas dasar kesedaran orang ramai tentang kewajipan berzakat serta berkat kerja keras semua kakitangan Zakat Pulau Pinang, hasilnya jumlah kutipan meningkat dari tahun ke tahun seiring dengan jumlah agihan yang disalurkan kepada asnaf.

Bagi tahun 2013, mencatatkan peningkatan kutipan sebanyak RM80,776,149.27 dengan jumlah pembayar seramai 62,548 orang berbanding pada tahun 2012 sebanyak RM72,296,316.71 dengan jumlah pembayar seramai 56,535 orang.

Dengan jumlah peningkatan kutipan ini diharapkan semoga lanya dapat membantu lebih ramai lagi golongan-golongan asnaf yang layak untuk menerima zakat di negeri Pulau Pinang ini.

Diharapkan dengan keyakinan dan kepercayaan yang diberikan secara terus-menerus kepada Zakat Pulau Pinang, akan meningkatkan lagi kutipan zakat pada tahun-tahun yang akan datang sekaligus golongan asnaf di negeri Pulau Pinang ini akan terbela.



Banci Pemantauan Penerima Bantuan Bulanan

Menjelang tahun 2014, Zakat Pulau Pinang memulakan operasi binci kepada penerima-penerima bantuan bulanan ke seluruh daerah di negeri Pulau Pinang. Operasi bincian ini dilaksanakan bagi memantau dan mengenal pasti penerima-

penerima bantuan bulanan sama ada mereka masih layak untuk menerima sumbangan dari Zakat Pulau Pinang atau pun tidak. Sepanjang bincian ini dijalankan, masih ada penerima-penerima bantuan bulanan yang memerlukan bantuan lain selain daripada bantuan bulanan seperti bantuan perubatan dan juga bantuan baik pulih rumah. Pada bincian kali ini juga pihak kakitangan Zakat Pulau Pinang mendapati peratusan yang sudah terkeluar dari golongan asnaf dan miskin telah pun berkurangan berbanding tahun-tahun yang lalu. Oleh itu bantuan zakat dari penerima-penerima yang terkeluar dari golongan asnaf fakir dan miskin ini, dapat disalurkan kepada pemohon bantuan yang benar-benar memerlukan pada masa akan datang.

Apakah hukumnya Zakat Pendapatan? Adakah Nas/dalil yang mewajibkannya?

Jawapan:

Zakat ke atas pendapatan bagi penggajian adalah wajib dikeluarkan sebagaimana yang telah di fatwakan oleh kebanyakan ulama muta'akhirin termasuk Prof. Dr. Yusof al-Qardhawi, demikian juga oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang dihadiri oleh mufti-mufti seluruh Malaysia. Ia termasuk didalam 'mal al-mustafad' (harta yang memberi faedah) Yang dimaksudkan dengan pendapatan yang wajib dizakatkan itu ialah imbuhan atau perolehan yang didapat oleh individu daripada majikan atau individu sama ada pemberian dalam bentuk tenaga serta perkhidmatan profesional atau fizikal dalam tempoh harian, bulanan atau tahunan yang boleh dikenakan zakat. Fatwa Zakat pendapatan/gaji individu telah diwajibkan dan diwartakan pada 04 Disember 1989 di Negeri Pulau Pinang.

Nas/Dalil yang mewajibkannya adalah:

1. Maksud firman Allah: "Wahai orang-orang yang beriman keluarkanlah (zakat) sebahagian dari usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang telah Kami keluarkan dari bumi untuk kamu" (Al-Baqarah : 267)
2. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Jika kamu memiliki 200 dirham dan genap haulnya maka di dalamnya (zakat) 5 dirham, dan tidak taqwa ke atas kamu sesuatu laitu di dalam emas, sehingga kamu memiliki 20 dinar. Apabila kamu memiliki 20 dinar dan genap haulnya, maka di dalamnya (zakat) setengah dinar". (Riwayat Abu Daud).

Bolehkah terangkan bagaimanakah yang dikatakan zakat wang simpanan?

Jawapan:

Bagi menentukan sama ada wang simpanan tersebut dikenakan zakat atau tidak, hendaklah dipastikan:

- a. genap setahun (1) hijrah dalam simpanan (cukup haul)
 - b. mencukupi nisab (85 gram emas x nilai emas semasa) bagi tahun berkenaan.
- Contohnya: $85g \times 76.43 = RM 6,496.55$. Maknanya wang simpanan hendaklah bersamaan atau melebihi jumlah tersebut.
- c. Dikira atas baki terendah dalam setahun.
 - d. Ditolak faedah.

Sekiranya saudara mempunyai pelbagai akaun simpanan:

1. Untuk menentukan baki terendah, semua akaun simpanan tersebut perlu disenarai. Biarpun mempunyai pelbagai akaun simpanan, tetapi pada hakikatnya pendeposit mempunyai satu simpanan sahaja.
2. Jika simpanan dalam satu akaun sudah mencukupi nisab, maka simpanan di dalam akaun-akaun lain (walaupun kurang dari nisab) adalah diwajibkan Zakat.

Analisa

ANALISA AGIHAN ZAKAT DARI 01 JAN 2014 – 15 MAC 2014

No.	Asnaf	Jumlah
1	Fakir	RM 769,228.00
2	Miskin	RM 2,952,265.29
3	Muallaf	RM 139,097.90
4	Ghorimin	RM 306,097.17
5	Ibnu Sabil	RM 47,500.00
6	Fisabilillah	RM 6,799,190.10
Jumlah		RM 11,040,378.46

ANALISA KUTIPAN ZAKAT DARI 01 JAN 2014 ~ 15 MAC 2014

PENERANGAN	JUMLAH (RM)	PEMBAYAR SEBENAR
ZAKAT PENDAPATAN	6,080,283.48	44,570
ZAKAT PERNIAGAAN	1,297,366.65	208
ZAKAT WANG SIMPANAN	2,037,668.25	1,425
ZAKAT SAHAM	71,995.56	55
ZAKAT KWSP	272,395.78	209
ZAKAT EMAS	111,765.00	148
ZAKAT PERAK	667.50	5
QADHA ZAKAT	37,765.68	33
ZAKAT HARTA	352,577.80	123
ZAKAT TANAMAN	140,000.40	312
JUMLAH	10,402,486.10	



Rasulullah S.A.W bersabda:

“ Bentenglah harta kamu dengan **zakat** dan ubatilah penyakit kamu dengan sedekah ”

(riwayat Tabrani)

Tunaikan Zakat

Hak Asnaf Ada Pada Anda

Zakat Pulau Pinang

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.

T: 04-549 8088

F: 04-530 6466

Hotline: 1 300 88 8808

www.zakatpenang.com



زكاة فريهاتين
Zakat Prihatin



ZAKAT PENYUBUR IMAN

KAUNTER PERKHIDMATAN ZAKAT

BUKIT MERTAJAM (IBU PEJABAT)

No. 4, Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel : 04-549 8088
Faks : 04-530 6466

BUTTERWORTH

No. 65, Jalan Selat,
Taman Selat, 12000 Butterworth.
Tel : 04-331 3686
Faks : 04-332 1272

NIBONG TEBAL

No. 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya, 14200 Jawi.
Tel : 04-583 3088
Faks : 04-583 3080

BALIK PULAU

208 D,
Jalan Sungai Pinang
11000 Balik Pulau.
Tel : 04-866 0299

KEPALA BATAS

No. 1204, Wisma Syeikh
Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.
Tel : 04-578 3300

GEORGETOWN

No. 34, Lebuh Buckingham,
10200 Georgetown.
Tel : 04-250 1000
Faks : 04-250 1001

BAYAN BARU

No. 81 Tkt. Bawah,
Persiaran Mahsuri,
1/3 Sunway Tunas,
11900 Bayan Lepas.
Tel : 04-646 9980
Faks : 04-646 9981

AYER ITAM

d/a. Masjid Negeri
Pulau Pinang,
Jalan Ayer Itam,
11500 Pulau Pinang.
Tel : 04-827 7488

www.zakatpenang.com

12

BORANG BAYARAN ZAKAT

MAKLUMAT PEMBAYAR/SYARIKAT

Sila Isikan Borang Dengan Menggunakan HURUF BESAR

Bersama ini disertakan cek/wang pos bernilai RM..... bagi bayaran zakat pendapatan/ wang simpanan/ saham/KWSP/ perniagaan/ emas/harta* bagi tahun..... kerana Allah Taala.

Nama : _____

No. KP (Lama): _____ (Baru): _____

Alamat Surat Menyurat : _____

Alamat Pekerjaan : _____

No. Tel. Pejabat : _____ No. Tel Bimbis : _____

Emel : _____ Tarikh : _____

Tandatangan : _____

* potong yang tidak berkenaan